



# GARIS PANDUAN PENILAIAN MANUSKRIP PENERBIT UKM



ILMU, MUTU DAN BUDI

- 1** Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UKM untuk dibawa ke Mesyuarat Sidang Pengarang Universiti (SPU) perlu dinilai dan diuruskan terlebih dahulu pada peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj).
- 2** Bayaran penilaian adalah menjadi tanggungjawab PTj.
- 3** Pastikan manuskrip menepati spesifikasi berikut sebelum dihantar untuk penilaian Penerbit UKM:
  - Pengarang/penyunting tidak melebihi tiga (3) orang.
  - Jumlah perkataan hendaklah mencukupi iaitu melebihi 30,000 patah perkataan tidak termasuk bahagian awalan dan akhiran buku.
  - Jumlah minima bab bagi karya asli adalah empat (4) bab dan enam (6) bab bagi karya suntingan.
  - Mempunyai bahagian Prakata.
  - Jumlah halaman untuk setiap bab hendaklah seimbang.
- 4** Kriteria penilaian manuskrip perlu mematuhi garis panduan Penerbit UKM seperti berikut:
  - Penilai terdiri daripada ahli akademik yang mempunyai afiliasi dengan universiti/badan profesional dan merupakan pakar dalam bidang manuskrip.
  - Penilai hendaklah bertaraf Profesor Madya atau lebih tinggi.

- Penilai yang dilantik hendaklah dari luar institusi pengarang/penyunting dan tidak terlibat dalam penulisan manuskrip yang dinilai (contohnya sebagai pengarang, penyumbang bab dan penyelia).
  - Penilaian semula (jika perlu) hendaklah dinilai oleh penilai berbeza dan proses serta kosnya diuruskan oleh PTj.
  - Penilaian manuskrip menggunakan Borang Panduan Penilaian
  - Manuskrip Penerbit UKM yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Penerbit UKM, [www.ukm.my/penerbit](http://www.ukm.my/penerbit).
  - Penilai yang telah bersara boleh dipertimbangkan berdasarkan kepakaran dan pengalaman. Namun, persetujuan perlu didapatkan sebelum proses penilaian dengan menghantar permohonan berserta CV penilai kepada Pengarah Penerbit UKM: [pengarahpenerbit@ukm.edu.my](mailto:pengarahpenerbit@ukm.edu.my)
- 5** Pengarang perlu membuat penambahbaikan kepada manuskrip yang dicadangkan oleh penilai terlebih dahulu sebelum menghantar manuskrip ke Penerbit UKM untuk pertimbangan.
  - 6** Senarai penambahbaikan (dalam bentuk jadual) hendaklah disediakan sebelum dihantar ke Penerbit UKM untuk pertimbangan.
  - 7** SPU akan membuat keputusan berdasarkan laporan penilaian, manuskrip yang ditambah baik, jadual penambahbaikan dan aspek lain yang berkaitan.

- 8** Pertimbangan penerimaan penerbitan manuskrip adalah tertakluk kepada Mesyuarat SPU dan keputusan adalah muktamad.

## CARTA ALIR PENERBITAN BUKU



Sila imbas Borang Penilaian Manuskrip Penerbit UKM

